



EDISI PERTAMA

BULETIN PPTD

TERBITAN APRIL 2023

AHLI SAHAJA

MAJLIS PECAH TANAH RUMAH KELAB PPTD



Simbolik Pecah Tanah Projek

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Seri Isham Ishak

Ketua Editor
Dr Tan Awang Besar

Editor
Dr Norazam Mohd Noor
Dr Razul Ikmal Ramli
Dr Yap Hock Ann

Pereka Grafik
Taufiq Asma'i Mansur

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Rumah Kelab Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) Putrajaya pada 22 Mac 2022 di Presint 18, Putrajaya. Majlis ini turut dihadiri oleh Presiden PPTD, Datuk Seri Mohd Sallehuddin bin Hassan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah.

Rumah Kelab PPTD berkeluasan lantai kasar seluas 71,572.96 kaki persegi ini telah mula dirancang pembinaannya sejak tahun 2005 bagi memenuhi keperluan para ahli PPTD memandangkan Rumah Kelab PPTD sedia ada di Persiaran Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur mempunyai ruang yang terbatas. Pembinaan Rumah Kelab ini akan menelan kos sebanyak RM28,430,213.36 (tidak termasuk reka bentuk dalaman). Projek ini dijangka siap dalam tempoh 36 bulan termasuk 18 bulan dari tarikh pelantikan syarikat pemaju.





MAJLIS SERAH TAPAK PROJEK RUMAH KELAB PPTD

Majlis Serah Tapak Projek Rumah Kelab PPTD Presint 18 Putrajaya telah diadakan pada 23 Februari 2023 (Khamis). Serahan tapak projek telah disempurnakan oleh Datuk Seri Isham Ishak, Presiden PPTD kepada Dato' Zulkifli Mohd Hanapiah, Pengarah Urusan, Syarikat Awam Saujana Sdn. Bhd.

Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Abdul Halim Hamzah, Timbalan Presiden bersama Exco-Exco PPTD, wakil-wakil pihak pemaju dan media. Penyerahan projek ini menandakan bermulanya satu sejarah baharu dan tertunainya hasrat PPTD selama ini untuk membina Rumah Kelab PPTD. Apabila siap nanti, ahli-ahli PPTD boleh memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan di rumah kelab ini.

Rumah Kelab PPTD Putrajaya ini bakal menyediakan kemudahan pejabat Sekretariat PPTD, dewan, bilik-bilik mesyuarat dan gimnasium berserta bilik persalinan. Rumah Kelab ini juga akan memiliki restoran dua tingkat, indoor shooting range, bilik-bilik penginapan bagi kemudahan para ahli PPTD dari luar Putrajaya.



Simbolik serahan Tapak Projek



Wakil Barisan EXCO PPTD



Tapak Projek Presint 18



KARNIVAL BOLA TAMPAR

Karnival Bola Tampar anjuran Persatuan Pegawai Tadbir Diplomatik 2022 telah diadakan pada 25 Jun 2022 bertempat di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Kajang. Kejohanan ini dibuka kepada semua ahli PPTD dan PTD sahaja. PPTD Negeri Perak telah diwakili seramai 11 pemain yang membawa cabaran ke Karnival ini.



BENGKEL PEMANTAPAN KEBAHASAAN DAN SENI BUDAYA PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2022

Bengkel ini telah diadakan pada 19 hingga 22 Ogos 2022 bertempat di INTAN Wilayah Timur (INTIM), Terengganu. Bengkel yang merupakan kerjasama dengan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) & Antara Seni Perkhidmatan Awam (ASPA) ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta dari pelbagai gred dan jawatan. Antara objektif penganguran bengkel ini adalah untuk membina dan memantapkan jati diri penjawat awam melalui inisiatif kebahasaan dan seni budaya dalam perkhidmatan awam. Selain itu, ia juga turut memberi fokus kepada perbincangan mengenai agenda kebahasaan perkhidmatan awam di samping menjalinkan kerjasama dengan penjawat awam dari pelbagai agensi kerajaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan semasa bengkel ini seperti perkongsian agenda kebahasaan, vokal dan watak bagi pembentukan jati diri, latihan emosi dan pemantapan jati diri, aktiviti dalam kumpulan dan aktiviti plogging di tepi pantai.





RESENSI BUKU PPTD LIBER CLAVA EDISI MERDEKA

Istimewa sempena sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022, Kelab Buku PPTD 'PPTD Liber Clava' telah mengadakan sesi resensi buku bertemakan kemerdekaan pada 10 September 2022 (Sabtu) bermula jam 9.00 hingga 10.30 pagi melalui platform Google Meet. Seramai lima orang telah berkongsi bahan bacaan mereka semasa sesi ini.

Buku-buku terlibat dalam resensi kali ini adalah:

- "Akar Kami: Kisah Inspirasi Tokoh Profesional Generasi FELDA". Penulis: Zintulniza Abdul Kadir & Muhammad Nizam Shaari. Penerbit: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM);
- "Martika" karya Lamia Aimal. Penerbit: Dewan Bahasa & Pustaka (DBP);
- "The Creative Mindset: Mastering the Six Skills That Empower Innovation". Penulis: Jeff DeGraff & Staney DeGraff Penerbit: Berrett-Koehler Publishers;
- "Kami Yang Terlibat" karya Usman Awang. Penerbit: DBP; dan
- "Billion Dollar Whale: The Man Who Fooled Wall Street, Hollywood, and the World". Penulis: Tom Wright & Bradley Hope. Penerbit: Hachette Books



KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH

Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah anjuran Persatuan Pegawai Tadbir Diplomatik 2022 telah diadakan pada 25 September 2022 bertempat di INTAN Bukit Kiara. Kejohanan ini telah disertai ahli-ahli PPTD dan pegawai PTD sahaja. PPTD Negeri Perak telah diwakili seramai 12 pemain menyertai kejohanan tersebut. Pasukan Negeri Perak menentang wakil pasukan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) di peringkat kumpulan. Kejohanan ini disertai oleh 16 pasukan.





BENGKEL "KEYAKINAN MELONTARKAN VOKAL DALAM PEMBENTANGAN SECARA FORMAL" BERSAMA CIKGU ARYANTI HAMLI

Bengkel melalui platform Google Meet ini telah diadakan pada 30 Oktober 2022 (Ahad) bermula jam 2.30 hingga 4.30 petang. Bengkel ini hanya dihadkan kepada 15 penyertaan sahaja bagi memberikan fokus yang lebih mendalam kepada peserta yang terlibat.

Objektif pengajian kelas asas vokal ini adalah untuk memberikan pengetahuan baharu kepada ahli PPTD dalam penggunaan vokal yang betul dan mengadaptasikan kemahiran ini dalam menambahbaik persembahan semasa pembentangan kertas kerja atau pengucapan awam yang disampaikan. Bengkel yang dikendalikan oleh Guru Vokal berpengalaman, Cikgu Aryanti Hamli ini meliputi sesi teori dan praktikal.



BENGKEL DOODLING - CREATIVE & SERIOUS FUN COMBINED!

Bengkel "Doodling-Creative & Serious Fun Combined!" merupakan satu program yang dirancang bagi memberi pendedahan kepada ahli PPTD secara khususnya mengenai keistimewaan teknik 'aktiviti menconteng sesuatu' atau lebih dikenali dengan istilah 'doodling' dalam percambahan kreativiti. Objektif pengajian bengkel ini antara lain adalah untuk memberi pendedahan awal kepada literasi visual dan teknik doodling; selain mempelajari kaedah mencatat nota secara kreatif, ringkas, informatif dan menarik melalui sesi praktikal.

Bengkel ini diadakan pada 13 November 2022 (Ahad) bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang di Rumah Kelab PPTD Putrajaya, Presint 10. Seramai 7 orang ahli PPTD telah menghadiri bengkel ini yang dikendalikan oleh Puan Hal Mahera Ahmad, seorang ahli PPTD yang berpengalaman luas dalam bidang doodling ini.





PERTANDINGAN "PIDATO 3 MINIT" SECARA DALAM TALIAN

Pertandingan ini diadakan bersempena dengan Festival Dekad Bahasa Kebangsaan Peringkat Pertubuhan Bukan Kerajaan dengan kerjasama DBP dan Persatuan Kelab Belia-belia Malaysia. Tempoh pertandingan bermula 27 Oktober hingga 15 November 2022. Bertemakan 'Bahasa Jiwa Bangsa', seramai 15 peserta telah memuat naik video pidato masing-masing di akaun media sosial.


Keputusan rasmi pertandingan telah diumumkan dalam akaun media sosial rasmi PPTD dan DBP pada 7 Disember 2022 yang lalu. Salah seorang ahli PPTD, Puan Marianne Anak Miga telah berjaya memenangi tempat saguhati dalam pertandingan ini.



MALAM MESTIKA SENI BERSAMA DPA INTAN 2022

Bersempena dengan Minggu Sintesis, Peserta DPA INTAN 2022 dengan kerjasama Jawatankuasa Kebudayaan & Kesenian PPTD telah menganjurkan Malam Mestika Seni "Meraikan Seni Seindah Ikatan Cinta" pada 22 November 2022 (Selasa) bermula jam 8.00 malam hingga 10.30 malam di Auditorium INTAN Bukit Kiara. Bertemakan Majlis Perkahwinan Melayu, program ini telah dihadiri oleh Presiden PPTD, Pengarah INTAN, Timbalan-timbalan Pengarah INTAN, Exco PPTD dan Ahli Jawatankuasa Kebudayaan & Kesenian PPTD.

Program ini menjadi platform penting kepada ahli PPTD dan bakal ahli bagi menyerlahkan bakat dan kemahiran masing-masing dalam bidang seni dan budaya. Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada bakal pegawai untuk berinteraksi dengan lebih dekat bersama Presiden PPTD. Program telah diserikan dengan acara berpantun, persembahan silat, nyanyian, tarian dan debat berirama yang dijayakan oleh Peserta DPA dan juga Ahli Jawatankuasa Kebudayaan & Kesenian PPTD.





TEATER PERKHIDMATAN AWAM "ANTARA TIGA"



Teater Perkhidmatan Awam Tahun 2022 bertajuk 'Antara Tiga' kembali semula pada 8, 9, dan 10 Disember 2022 di Panggung Sari, Istana Budaya. Uniknya teater perkhidmatan awam ini adalah kerana ia akan melibatkan secara kolaborasi antara Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Antara Seni Perkhidmatan Awam (ASPA), Persatuan Amal Kebajikan dan Sukan (PAKSU) Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Istana Budaya dengan penyertaan penjawat awam daripada 30 agensi kerajaan yang berbeza sebagai pelakon dan tenaga kerja produksi.

Teater 'Antara Tiga' ini merupakan sebuah lagi karya hebat oleh seorang ahli PPTD yang berbakat besar dalam penulisan skrip, Dr. Ahmad Zairy bin Mohd Soieb. Teater ini menyaksikan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Klang dalam tahun 1961 yang menyingkap tiga sejarah utama di bumi Klang pada tahun 1025, 1445, 1867 yang telah mengubah landskap kehidupan dan menyatukan penduduk Klang dalam suasana harmoni sehingga kini. Antara Tiga mengupas pengajaran penting di sebalik tiga sejarah utama di Klang yang melakar sosiobudaya dan sosioekonomi.

Teater ini telah mendapat maklum balas positif daripada para penonton yang terdiri daripada orang awam, penggiat seni dan juga penjawat awam.





PERSEMPAHAN KOIR 'VOICESTRA' SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM "PTD: SERATUS TAHUN MENABUR BAKTI"

Anjuran Alumni PTD telah menganjurkan Majlis Makan Malam "PTD: Seratus Tahun Menabur Bakti" pada 11 Disember 2022 (Ahad) bertempat di Hotel Royale Chulan, Damansara. Majlis tersebut turut dihadiri Exco-exco PPTD.

Kumpulan Koir 'Voicestra' PPTD telah menyampaikan dua buah lagu bertajuk 'Setia' dan 'Terbang Tunduk'. Kumpulan ini dianggotai oleh 18 orang PTD yang kini sedang berkhidmat di pelbagai kementerian dan jabatan. Kumpulan koir ini adalah di bawah pimpinan Cik Fadlita Mohd Taib (Cikgu Delly), seorang Guru Vokal tanah air yang terkenal.



PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM

Bersempena dengan Cuti Persekolahan Sesi 2022, Jawatankuasa Kebudayaan & Kesenian PPTD telah mengadakan kolaborasi dengan pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) untuk menganjurkan Program "Bermalam di Muzium" pada 17 dan 18 Disember 2022 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Muzium Negara.

Objektif pengianuran program ini secara amnya adalah untuk mendidik dan membentuk generasi muda yang berpengetahuan dan peka terhadap khazanah warisan negara selain menggalakkan budaya mengunjungi muzium dalam kalangan generasi muda. Program ini telah disertai oleh 50 orang anak ahli PPTD berumur antara 7 hingga 14 tahun.

Antara pengisian program adalah lawatan sekitar Muzium Negara, aktiviti casting & moulding dan misi mencari harta karun. Majlis Perasmian Penutupan program ini telah dihadiri oleh Presiden PPTD, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Pengarah Muzium Negara, Bendahari, Exco PPTD dan ahli PPTD.





UM YOUNG LEADERS CAREER FAIR 2023

Persatuan Pemimpin belia Universiti Malaya (UM) telah menganjurkan UM Young Leaders Career Fair 2023 pada 8 Januari 2023 bertempat di Bilik Bincang, Kompleks Perdana Siswa, UM. Persatuan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) telah menerima jemputan ke sesi 'Industrial Talk' kepada beberapa pemimpin pelajar UM dalam bentuk *focus group*. PPTD telah diwakili oleh Azrul Izham Hamzah, Bendahari PPTD selaku ahli panel bersama dengan dua lagi ahli panel iaitu Dr. Zokhri Idris, Ketua Pegawai Eksekutif, Policy and Economic Affairs Centre of Malaysia (PEACE) dan En. Ong Shu Yi, Ketua Pegawai Eksekutif, Growth Achievers. Sesi ini turut dihadiri oleh Dr Tan Awang Besar, Exco Hal Ehwal Profesionalisme PPTD. Secara umum, perkongsian aspek kerjaya dan cabaran kerjaya masa hadapan graduan telah berjaya disampaikan oleh ahli-ahli panel.



PPTD TOASTMASTERS CLUB OPEN DAY

PPTD Toastmasters Club Open Day telah diadakan pada 12 January 2023 bertempat di Rumah kelab PPTD Putrajaya bersempena sambutan Ulang Tahun ke 73 Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) yang bertemakan "Fostering Leadership Communication." Program ini telah dihadiri 35 peserta termasuk ahli Toastmasters International dan pegawai PTD yang datang dari Lembah Klang dan Melaka.

Program ini telah dirasmikan secara atas talian oleh Datuk Seri Isham Ishak, Presiden PPTD dan turut dihadiri Dr. Tan Awang Besar, Exco Hal Ehwal Profesionalisme PPTD. Para peserta telah memanfaatkan ilmu yang disampaikan oleh Mas Mahathir Mohamad, pemenang ke 3 - *Toastmaster World Championship Public Speaking* 2022.





PPTD TOASTMASTERS CLUB MEETING

Kelab Toastmasters PPTD Putrajaya telah berjaya menganjurkan Sambutan Tahun Baru Cina (TBC) pada 26 Januari 2023. Tema "Rabbit's Foot" dipilih bersempena dengan sambutan TBC melibatkan 25 ahli terdiri daripada Toastmasters dan pegawai PTD. Penghargaan telah diberikan kepada Dr. Wan Farisan Wan Sulaiman (Best Table Topics Speaker- Distinguished Toastmaster), Anis Marhani Abd Rashid (Best Speaker-Dynamic Leadership Level 2) dan Maisarah Muhammad Rais (Best Evaluator- Dynamic Leadership Level 5). Program sambutan kali ini amat unik apabila pelaksanaan dibuat secara pengalaman dalam talian.



SPEAKATHON

Speakathon (Speech-a-thon) merupakan acara bukan mengukur kepentasan percakapan seseorang pengucap tetapi lebih kepada pertemuan secara virtual melibatkan pengucap paling ramai. Acara ini telah diadakan pada 9 Februari 2023 menyaksikan keberanian dan kesediaan 6 pengucap utama. Khadijah Ishak, Pemimpin Dinamik Tahap 3 dengan tajuk "Self-Revolution" telah muncul sebagai perucap terbaik dalam acara Speakathon ini. Acara ini memberi impak baik dari aspek kualiti pengucap, kandungan ucapan, barisan penilai yang memberikan komen membina dan mengangkat mutu kaedah penilaian ke atas kewibawaan para pengucap.





SANTAI BUKU PPTD LIBER CLAVA “KEEP THE PAGES TURNING”

PPTD Liber Clava telah mengadakan Santai Buku PPTD Liber Clava pada 12 Februari 2023 (Ahad) bermula dari jam 10.00 hingga 12.00 tengah hari bertempat di kediaman Puan Hal Mahera Ahmad di Seri Bangi, Bandar Baru Bangi.

Seramai 8 orang ahli PPTD telah menghadiri sesi santai ini dan berkongsi bahan bacaan yang telah dibaca. Hidangan secara *potluck* turut dibawa bagi memeriahkan sesi. Penyampaian cenderahati telah diadakan pada akhir sesi kepada Puan Hal Mahera Ahmad selaku hos sesi pada kali ini.





PPTD TOASTMASTERS CLUB AND CYBERJAYA COMMUNITY TOASTMASTERS CLUB ENGAGEMENT SESSION

Program libat urus antara Kelab Toastmasters PPTD Putrajaya (District 51) d Kelab Toastmasters Komuniti Cyberjaya (District 102) dengan tema "Nailing Networking!" telah diadakan pada 15 Februari 2023 bersempena 7 tahun penubuhan Kelab Toastmasters Komuniti Cyberjaya. Program ini turut memberi penghargaan kepada 3 pemenang iaitu Aadela Melati (Best Table Topics Speaker award), Ina Tisha Merican (Best Evaluators) dan Dr. Wan Farisan (Best Speaker award).





AREA J5 INTERNATIONAL SPEECH AND EVALUATION CONTESTS 2022-2023

Kelab Toastmasters PPTD mencatat satu lagi pencapaian membanggakan apabila ahlinya berjaya dalam pertandingan *Toastmasters Area J5 International Speech and Evaluation* yang diadakan pada 25 Februari 2023 di Kampus Universiti UCSI Kuala Lumpur. Tiga wakil yang mencipta kejayaan tersebut ialah Raihana Mohd Ghaus (*Champion of International Speech Area J5*), Ina Tisha Merican Din Merican (*first runner up for both International Speech and Evaluation contests*) dan Ivin Mercy Jayabalan (*Evaluation Competition*). Selaku juara, Raihana telah layak menyertai pertandingan di Division J International Speech Contest pada 4 Mac 2023 di Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU).





JELAJAH CSR AMAL PPTD: INFaq RAMADHAN 1444H/2023

Program Jelajah CSR Amal PPTD: Infaq Ramadhan 1444H/2023 telah berlangsung di Kg. Rala, Pos Kemar, Perak pada 16-18 Mac 2023. Program ini melibatkan Kumpulan Asnaf Orang Asli dan Penduduk Pos Kemar. Program anjuran PPTD kali ini adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, FAMA, Kelab D'Harung 4x4, PERKIM Wanita Ampang Permata, PRIMA, Pelajar PIKOM, UCMI, Angkatan Pertahanan Awam, CDERT PGSS, KDEB Sdn Bhd, Raf Synergy Sdn Bhd, Efi Solution 4x4 Dharung Sdn Bhd, Konsortium E Mutiara Berhad, Afes Sdn Bhd dan sukarelawan.

Acara program melibatkan penyampaian kit bantuan Infaq Ramadhan kepada 85 keluarga orang asli, pemberian set telekung, tudung, kain pelikat dan kain batik kepada keluarga muslim, Kenduri Rakyat bersama 350 orang penduduk kampung dan penyampaian 100 set goodies beg kepada mereka yang terpilih. Aktiviti probasis, medical check-up, sukaneka, demo CPR dan perawatan awal turut memeriahkan lagi program jelajah pada kali ini.



Presiden PPTD bersama peserta program



Pelepasan Peserta Program



Kenduri Rakyat



Pemberian Goodies



Sukaneka kanak-kanak



TEROKAI SKIM PERLINDUNGAN INSURANS DAN PERKHIDMATAN JUALAN PRODUK

MY PPTD CARE MERUPAKAN INISIATIF PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PPTD) DENGAN KERJASAMA PIHAK SYARIKAT SWASTA BAGI MEMBANTU AHLI PERSATUAN DAN KAKI TANGAN KERAJAAN MELALUI TAWARAN SKIM PELINDUNGAN INSURANS DAN PERKHIDMATAN JUALAN PRODUK

- 3 Pilihan Pelan (Pelan 200, Pelan 300, Pelan 500)
- Had tahunan keseluruhan sehingga RM2,500,000
- Tiada had seumur hidup
- Jaminan pembaharuan polisi seumur hidup sehingga umur 99 tahun
- Pampasan Covid-19 bagi semua kategori
- 100% sumbangan dana yang diperuntukkan
- Peningkatan bilik dan penginapan hospital
- Pemulangan semula manfaat bilik dan penginapan hospital yang tidak digunakan semasa kemasukan hospital
- Bilik dan penginapan hospital tambahan 200% semasa di luar negara
- Manfaat menginap mengikut pelan yang dipilih
- Hibah Bersyarat
- Nikmati Pelepasan Cukai Peribadi
- Kanta intraokular (seumur hidup) sehingga RM20,000
- Ujian genomik untuk pesakit kanser (seumur hidup) sehingga RM20,000
- Pembahagian dalam keuntungan pelaburan sumbangan berkala dengan perkongsian lebihan daripada Dana Tabarru peserta (Mudharaba)
- Pengecualian kesemua sumbangan tahunan masa depan akibat mengalami TPD atau didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal dari 45 jenis yang dilindungi
- Diskaun bayaran wakalah tahunan sebanyak 20%

Skim 'My PPTD Care' lindungi ahli Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik

Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my
August 18, 2022 @ 5:37pm

President Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Datuk Isham Iskak (tiga dari kanan) dan Pengarah Urusan MHN Integrated Sdn

Utusan Malaysia

KUALA LUMPUR: Majlis pelancaran skim perlindungan My PPTD Care yang bertujuan memberi perlindungan keseluruhan perkhidmatan tadbir dan diplomatik (PPTD) dan ahli keluarganya berlangsung di Hotel Grand Lexis, Petaling Jaya semalam.

Skim ini merupakan hasil kerjasama antara PPTD dan syarikat swasta, MHN Integrated Sdn. Tujuan utama skim ini ialah memberi perlindungan keseluruhan kepada ahli keluarga dan ahli PPTD.

Skim ini akan memberi perlindungan atas sumbangan tahunan masa depan akibat mengalami TPD atau didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal dari 45 jenis yang dilindungi. Selain itu, ia juga memberi perlindungan atas ujian genomik untuk pesakit kanser (seumur hidup).

Skim ini adalah produk asasnya yang dilancarkan pada awal tahun ini. Ia dilancarkan oleh Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Datuk Isham Iskak, dan Pengarah Urusan MHN Integrated Sdn, Noor Atiqah Sulaiman.

Skim ini akan memberi perlindungan keseluruhan atas sumbangan tahunan masa depan akibat mengalami TPD atau didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal dari 45 jenis yang dilindungi. Selain itu, ia juga memberi perlindungan atas ujian genomik untuk pesakit kanser (seumur hidup).

Skim ini adalah produk asasnya yang dilancarkan pada awal tahun ini. Ia dilancarkan oleh Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Datuk Isham Iskak, dan Pengarah Urusan MHN Integrated Sdn, Noor Atiqah Sulaiman.

Skim ini akan memberi perlindungan keseluruhan atas sumbangan tahunan masa depan akibat mengalami TPD atau didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal dari 45 jenis yang dilindungi. Selain itu, ia juga memberi perlindungan atas ujian genomik untuk pesakit kanser (seumur hidup).



"PERSATUAN KITA, TANGGUNGJAWAB KITA"

www.pptd.my

April 2023. Copyright© 2023, Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik, Hak Cipta Terpelihara

BULETIN EDISI PERTAMA 2023

PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK